

Utara

Insaniah perlu dinaikkan taraf

ALOR STAR 21 Nov. – Sultan Kedah berharap pihak Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia meluluskan permohonan daripada kerajaan negeri untuk menaikkan taraf Institut Agama Islam Negeri Kedah (Insaniah) kepada sebuah kolej universiti.

Baginda bertitah usaha ini perlu disegerakan bagi memastikan taraf Insaniah setanding dengan institusi pengajian tinggi lain di negara dan di Asia Tenggara ekoran jumlah pelajarannya yang semakin bertambah daripada masa ke semasa.

“Jika proses permohonan de-

ngan Kementerian Pengajian Tinggi selesai, Kolej Universiti ini akan dapat menawarkan pelbagai kursus peringkat pra universiti, diploma, sarjana muda dan pasca ijazah.

“Beta menyokong penuh segala usaha tersebut dan beta yakin Kolej Universiti bukan sahaja dapat meningkatkan kursus pengajian tetapi ia juga akan menambahkan bilangan pelajar sehingga 5,000 orang menjelang tahun 2010,” titahnya.

Baginda bertitah demikian ketika merasmikan majlis Hafut-takharruj (konvokesyen) kali ke-

tujuh Insaniah di Dewan Sultan Muadzam Shah, di sini hari ini.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Raja Muda Kedah dan Menteri Besar, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain.

Dalam majlis tersebut seramai 146 graduan menerima ijazah dan diploma masing-masing daripada pelbagai bidang.

Selain itu, Sultan Kedah mengingatkan bahawa projek pembangunan penyelidikan (R&D) amat penting dilaksanakan khususnya dalam organisasi pendidikan seperti di Insaniah.

Baginda bertitah R&D dapat

membantu mengesan kekuatan, kelemahan dan menilai semula hasil perancangan serta pelaksanaan dalam semua bidang khususnya daripada tahun 1995 hingga sekarang.

“Beta ingin mengingatkan bahawa Insaniah merupakan institusi pengajian tinggi yang telah berusia 10 tahun dan oleh itu, projek ini sangat penting dijalankan,” titah baginda lagi.

Selain R&D, titah Sultan Kedah perancangan strategik juga boleh disusun semula bagi meningkatkan lagi prestasi akademik pelajar setiap tahun bagi mencapai kelu-

lusan ke tahap Mumtaz dan Jayyid Jiddam secara berterusan, konsisten dan berkualiti.

Di samping itu, baginda berharap agar pihak pengurusan dan pentadbiran kolej berkenaan memantapkan lagi disiplin dan sahsiah pelajar bagi melahirkan graduan yang memiliki akhlak yang sempurna.

“Memandangkan para pelajar masih muda, mereka perlu dibimbing dan memerlukan tunjuk ajar yang berhemah.

“Oleh itu, beta menyeru kepada para pensyarah agar sentiasa mendekati mereka kerana se-

bagai tenaga pengajar anda juga boleh bertindak sebagai fasilitator, motivator dan kaunselor,” titah baginda.

Sultan Kedah bertitah bahawa para graduan juga diingatkan agar tidak memiliki sikap negatif terhadap pasaran kerja di samping menyalahkan persekitaran orang lain.

Baginda berharap, para graduan perlu lebih bijaksana mengesan pasaran kerja yang akan diceburi nanti dan aset terpenting yang perlu dimiliki oleh mereka ialah kemahiran teknologi maklumat.

Luqman dianugerah Jaizah Imtiyaz Jamiah

ALOR STAR 21 Nov. – Luqman Mohamad Nor hari ini dianugerahkan sebagai penerima Jaizah Imtiyaz Jamiah (anugerah pelajar terbaik) dalam program Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam Institut Agama Islam negeri Kedah (Insaniah).

Anak kelahiran Kupang, Baling itu telah menerima hadiah berupa wang tunai bernilai RM1,000, sijil penghargaan dan pingat emas.

Sultan Kedah berkenan menyampaikan anugerah itu kepada graduan tersebut dalam majlis Hafut-takharruj (konvokesyen) Insaniah ketujuh di sini hari ini.

Luqman, 23, anak ketujuh daripada 11 orang adik beradik yang berasal dari keluarga penoreh getah itu telah menyambung pengajian tahun empatnya di Universiti Al-Azhar, Mesir dan

lulus cemerlang dalam pengajian berkenaan, kemudian beliau berjaya memiliki Ijazah Sarjana Muda Usuluddin dengan kepujian dari universiti berkenaan.

Selain itu, Mohamad Firoz Mohammad Salim, 21, dari Kota Kinabalu, Sabah, telah menerima anugerah Jaizah Imtiyaz Insaniah dalam Program Diploma Kulliyah Pengurusan.

Graduan yang juga berasal daripada keluarga petani itu telah menerima hadiah wang tunai bernilai RM500, sijil penghargaan dan pingat perak.


Raja Muda Kedah berkenan menyampaikan hadiah berkenaan kepada graduan itu dalam majlis yang sama.

Mohamad Firoz yang kini telah mendapat tawaran melanjutkan pelajarannya ke peringkat Ijazah Sarjana Muda Fakulti Pengurusan Perniagaan di Univer-

siti Utara Malaysia sesi 2004/2005 itu sebelum ini telah menerima Sijil Anugerah Dekan bagi setiap semester sepanjang pengajiannya di Kulliyah Pengurusan Insaniah.

Di samping itu, tiga pelajar lain yang menerima Jaizah Imtiyaz Kulliyah bagi program Ijazah Sarjana Muda ialah Taufik Ismail dalam Kulliyah Bahasa Arab, Zulkornain Mohamad dalam Kulliyah Syariah Rashida Mat Isa dalam Kulliyah Usuluddin.

Tiga penerima Jaizah Imtiyaz Kulliyah bagi program diploma pula ialah Nor Jannah Hashim daripada pengurusan perniagaan, Noor Najihah Harun daripada bidang perakaunan, Shaakiroh Murad daripada bidang Teknologi Maklumat dan Ismail Salleh daripada bidang Tahfiz Al-Quran Wal Qiraat.



PENERIMA pingat emas Luqman Mohamad Nor (kiri) yang mengikuti program Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam sementara Mohamad Firoz Mohammad Salim (Diploma Kulliyah Pengurusan) pelajar cemerlang di majlis Konvokesyen Insaniah di Mergong, Alor Star semalam.